

1974

ALOR SETAR, 23 SEPT. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMMED MEMBERI JAMINAN BAHAWA JAWATANKUASA PERINGKAT MENTERI YANG DITUBUHKAN UNTUK MENINJAU SISTEM PELAJARAN NEGARA INI TIDAK AKAN MEMINDA DASAR PELAJARAN YANG ADA SEKARANG.

BELIAU MEMBERIKAN JAMINAN TERSEBUT KETIKA BERUCAP KEPADA LEBIH 1,000 ORANG GURU DI PUSAT PELBAGAIGUNA DI SINI HARI INI.

KATANYA, JAWATANKUASA TERSEBUT AKAN HANYA MENGGAJI SISTEM ITU DEMI UNTUK MENCAPAI HASRAT NEGARA MELENGKAPKAN RAKYAT NEGARA INI SUPAYA SETANDING DENGAN RAKYAT NEGARA-NEGARA YANG LEBIH MAJU.

TENTANG BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DR. MAHATHIR BERKATA, KIRA-KIRA 90% DARI RAKYAT NEGARA INI MENYOKONG DASAR TERSEBUT.

KATANYA, HANYA SEGELINTIR SAHAJA YANG PADA DASARNYA MENYOKONG TETAPI MEMBUAT TUNTUTAN-TUNTUTAN YANG TIDAK MENASABAH.

+TUNTUTAN-TUNTUTAN SERUPA INI TIDAK DAPAT DILAYAN. JIKA NEGARA-NEGARA LAIN BOLEH MENGGUNAKAN BAHASA-BAHASA SENDIRI SEBAGAI BAHASA PENGAJAR MENGAPA TIDAK DENGAN BAHASA MALAYSIA BAGI NEGARA INI, + TAMBAH BELIAU. --BERNAMA 1955/SZ